



Perundangan Islam Di Sarawak Sebelum Kedatangan Penjajah Barat: Satu Tinjauan Awal

NORANIZAH YUSUF^{1,a}, SAIMI BUJANG^{1,b}, ABDUL RAZAK ABDUL KADIR^{1,c}, FATIMAH HAMRIE^{1,d} dan WAN ARIFFIN WAN YON^{1,e}

¹Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Sarawak, Sarawak, Malaysia.

^anoranizah977@uitm.edu.my, ^bsaimi496@uitm.edu.my, ^cabdurak1@uitm.edu.my, ^dfatimahhamrie@uitm.edu.my & ^ewanariffin@uitm.edu.my

Abstrak

Analisis sejarah mendapati perundangan Islam mempunyai asas dan latar belakang yang kukuh di Malaysia sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka dan diperluaskan hingga ke negeri-negeri yang lain. Perundangan Islam menjadi elemen penting dalam sistem pentadbiran negara dan ketamadunan masyarakat Melayu Islam. Dalam konteks negeri Sarawak, mengikut kajian awal yang telah dilaksanakan terdapat dua manuskrip perundangan Islam yang pernah wujud di negeri Sarawak iaitu Kanun Negeri Lawas dan Kanun Negeri Lingga. Oleh itu, kajian ini bertujuan menjelaskan kewujudan manuskrip khas berkaitan perundangan Islam di Sarawak menerusi Kanun Negeri Lawas dan Kanun Negeri Lingga. Pendekatan kajian historiografi diaplikasikan dalam kajian ini menerusi empat langkah utama iaitu heuristik, kritikan sumber iaitu kritikan luaran dan kritikan dalaman, analisis dan interpretasi data dan yang terakhir historiografi iaitu proses penulisan sejarah. Manuskrip dan sumber sejarah dilakukan semak silang (*cross check*) atau jejak audit (*audit trail*) bagi menguji kesahan maklumat tersebut. Pendekatan analisis induktif dan deduktif digunakan dalam analisis kandungan sumber sejarah bagi memberi makna dan interpretasi kepada fakta-fakta sejarah yang dijumpai. Hasil kajian mendapati kewujudan manuskrip Kanun Negeri Lawas dan Kanun Negeri Lingga memberi gambaran yang jelas bahawa masyarakat Islam di Sarawak telah mengamalkan undang-undang Islam dalam kehidupan mereka sebagaimana perkembangan yang berlaku di negeri-negeri lain di Malaysia, Brunei dan Sambas. Perundangan Islam telah menjadi elemen penting dalam sistem pentadbiran dan pemerintahan masyarakat Islam di Sarawak di samping undang-undang adat sehingga kesannya dilihat pada zaman pemerintahan Brooke.

Kata kunci: *Perundangan Islam, Sarawak, sebelum penjajahan Barat*

1.0 Pengenalan

Dalam konteks Alam Melayu, Islam bukan sahaja mengubah bentuk kepercayaan masyarakat Melayu daripada animisme kepada kepada mentauhidkan Allah bahkan undang-undang dan peraturan yang tersusun rapi (syariah) diterima dengan baik oleh masyarakat setempat. Ilmu pengetahuan dan pendidikan juga turut berkembang luas dan terbuka kepada seluruh lapisan masyarakat. Kesannya, tamadun Melayu-Islam mencapai kegemilangan dan pelbagai hasil penulisan dalam pelbagai bidang dihasilkan termasuklah undang-undang. Menurut Ahmad Jelani (t.th), terdapat hampir 10,000 naskhah manuskrip tulisan tangan yang dihasilkan oleh masyarakat Melayu telah ditemui. Hal ini membuktikan bahawa masyarakat Melayu merupakan masyarakat yang bertamadun sehingga dapat mendokumentasikan hasil pemikiran dan idea penulisan mereka dengan baik. Berdasarkan kepada analisis sejarah dapat disimpulkan bahawa pelaksanaan perundangan Islam di Malaysia mempunyai asas dan latar belakang yang kukuh sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka dan diperluaskan ke negeri-negeri yang lain (Mohammad Hafifi, 2019; Zaini Nasohah, 2004). Islam diamalkan bukan sahaja dalam aspek kehidupan peribadi bahkan menjadi elemen penting dalam pembangunan masyarakat dan negara (Badlihisam, 2012). Sebagai buktinya, Melaka memiliki Hukum Kanun Melaka dan Undang-Undang Laut Melaka; di Pahang dengan Hukum Kanun Pahang; di Perak dengan Undang-Undang 99 Perak dan Undang-Undang Keturunan daripada Turun Negeri Perak, di Kedah dengan Undang-Undang Kedah; di Johor dengan Undang-Undang Tubuh Negeri Johor dan di Terengganu dengan *Itqan al-Mulk* (Abd Jalil Borhan, 2010; Zainul Rijal, 2018).

Undang-undang Islam digunakan dengan meluas dalam urusan kehidupan seharian masyarakat di Alam Melayu walaupun masih lagi terdapat unsur-unsur pengaruh adat setempat. Sebarang konflik dan masalah yang timbul dihakimi di hadapan sultan dan pemerintah berpandukan kepada undang-undang Islam dalam semua aspek kehidupan termasuklah hal ehwal kekeluargaan, jenayah dan muamalat (Zainul Rijal, 2018). Pemakaian undang-undang pada zaman pemerintahan Kesultanan Melayu memberikan impak yang sangat besar kepada kehidupan masyarakat. Menurut Razak dan Sujud (2016), antara empat tujuan undang-undang diwujudkan adalah memberi kesedaran kepada masyarakat, mengelakkan kesalahan yang sama dilakukan oleh masyarakat, menjaga keamanan negara dan mengukuhkan sistem perundangan yang sedia ada.



2.0 Latar Belakang Kajian

Bagi negeri Sarawak pula tidak banyak maklumat yang diperolehi berkaitan dengan pelaksanaan perundangan Islam khususnya sebelum era penjajahan Brooke. Sebagai wilayah yang pernah berada di bawah Kesultanan Brunei, maka kebanyakan sejarawan mengaitkan perkembangan agama Islam di Sarawak dengan perkembangan Islam di Brunei (Md. Amin 2003, Ahmad Nasir 2016). Kedudukan Islam di Brunei menjadi lebih kukuh apabila Sultan Sharif Ali (1425-1432) iaitu sultan Brunei yang ketiga mula menaiki pemerintahan. Antara usaha terawal yang dilakukan oleh beliau untuk mengukuhkan Islam ialah mendirikan masjid bagi keperluan mendirikan solat fardhu berjemaah dan solat jumaat (Pengiran Mohammad, 1999). Menurut Awang Asbol (2019), dalam meningkatkan kefahaman dan mengukuhkan kedudukan agama Islam di Brunei, sudah pasti Sultan Sharif Ali memerlukan undang-undang syarak untuk ditulis dan dilaksanakan. Langkah baginda mengukuhkan Islam ini tercatat dalam *Silsilah Raja-Raja Brunei* yang dipetik daripada Mohammad Abd Rahman (1999):

“Maka Sharif Ali inilah mendirikan ugama Islam dan mengeraskan syariat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi wa Sallam dalam Brunei dan membuat masjid....”

Perkataan ‘mengeraskan’ dalam petikan di atas bermaksud mengukuhkan. Ini memberi gambaran bahawa pada masa tersebut agama Islam sudah mula kukuh di Brunei dan kehidupan masyarakat Islam di Brunei dan kawasan takluknya terutamanya di Sarawak juga sudah mengikut syariat Islam (Mohamad Abd Rahman, 1999; Awang Asbol, 2019). Dengan wujudnya undang-undang ini, maka masyarakat Islam mempunyai landasan yang jelas dalam kehidupan beragama. Berdasarkan ini jelas bahawa Kesultanan Brunei telah mengamalkan perundangan yang berasaskan kepada syariat Islam meliputi hal-hal yang berkaitan dengan hukum-hakam perkahwinan, kesalahan jenayah serta dalam perkara yang melibatkan muamalat dan ekonomi Islam. Hukum Kanun Brunei dan Undang-Undang serta Adat Brunei Lama (*Old Brunei Law & Custom*) merupakan dua naskah undang-undang Islam bertulis yang dikanunkan (Mohd. Nasran, 2003). Dari aspek kandungan, Hukum Kanun Brunei dikatakan banyak dipengaruhi oleh Hukum Kanun Melaka dengan merujuk kepada persamaan dalam fasal 1 hingga 21 antara kedua-duanya (Awang Asbol, 2019).

Sehubungan itu, di negeri Sambas, sebuah kawasan yang terletak di bahagian selatan Sarawak, pernah muncul Kerajaan Islam yang mempunyai perkaitan erat dengan Sarawak. Kerajaan Sambas telah mencapai puncak kegemilangannya sebagai kesultanan terbesar di Kalimantan Barat. Sultan Tengah iaitu sultan Sarawak yang pertama waris dari Kesultanan Brunei telah datang ke Sambas dan anaknya Raden Sulaiman telah berkahwin dengan puteri bongsu Ratu Sapudak yang bernama Mas Ayu Bungsu. Perkahwinan antara Raden Sulaiman dengan Mas Ayu membolehkan Islam disebarkan dengan meluas di Sambas yang akhirnya membawa kepada pelantikan Raden Sulaiman sebagai Sultan Sambas pertama dengan gelaran Sultan Muhammad Syafiuddin I (1630-1669 M) (Fitriyani, 2002; Risa, 2014; Haris, 2016). Sebagai bukti Islam telah bertapak kukuh di Sambas ialah dengan kewujudan masjid di Kota Lama yang dibangunkan oleh Sultan Umar Aqomuddin yang memerintah Negeri Sambas pada tahun 1702-1727 M. Ini menunjukkan bahawa aktiviti keislaman sudah bermula di Sambas (Pribady, 2018; Risa, 2014). Kesultanan Sambas telah menjadikan syariat Islam sebagai undang-undang yang dikenali sebagai Hukum Adat Melayu Sambas atau Qanun Sambas. Hukum Adat Melayu Sambas Mempunyai 56 fasal yang memperuntukkan pelbagai hukuman dan kesalahan berkaitan perkahwinan, ekonomi, jenayah Islam, pusaka dan sebagainya (Pribady, 2018). Walaupun masih lagi terdapat pengaruh adat dalam qanun tersebut tetapi secara keseluruhannya masih dipengaruhi oleh hukum Islam. Menurut Fitriyani (2002), Hukum Adat Melayu Sambas ini berfungsi secara sosial untuk mengawal dan mengatur pola kehidupan masyarakat Islam di Sambas agar selari dengan syariat Islam. Terdapat sumber yang menyatakan bahawa Hukum Adat Melayu Sambas ini banyak dipengaruhi oleh Hukum Kanun Brunei.

Menjadi persoalan di sini, adakah negeri-negeri yang berada di antara Sambas dan Brunei iaitu Sarawak tidak mempunyai sistem perundangan sendiri? Adalah tidak mustahil bagi Sarawak untuk mempunyai sistem perundangan sendiri memandangkan ia meliputi sebuah kawasan yang besar dan pernah menjadi wilayah taklukan Srivijaya dan Majapahit serta menjadi kawasan tumpuan pedagang. Begitu juga, secara jelasnya Islam telah bertapak kukuh di negeri Sarawak sekitar abad ke-15 masihi kerana semasa pemerintahan Sultan Muhammad (Awang Alak Betatar), sultan Brunei yang pertama daerah kekuasaan Brunei dilaporkan meliputi negeri-negeri seperti Kalaka, Saribas, Samarahan, Sarawak dan Mukah. Kesemua tempat ini adalah sebahagian daripada negeri Sarawak sekarang (Sanib Said 2012, Sweeney 1968). Sanib Said (2012) menyatakan bahawa terdapat kekosongan dan lompong yang besar dalam historiografi Sarawak. Karya-karya agung seperti *Negarakertagama*, penulisan-penulisan Jawa dan *Silsilah Raja-Raja Brunei* ada mencatatkan bahawa beberapa buah tempat di Sarawak pernah menjadi pusat pemerintahan dan pentadbiran penting seperti Kalaka, Saribas, Samarahan, Sarawak Tambahan pula, jika dilihat dari aspek geografi dan kedudukan negeri Sarawak yang terletak di laluan perhubungan komersial dengan China dan India serta memiliki sumber



semulajadi yang unik dan mendapat permintaan tinggi dalam kalangan elit China, India dan Timur Tengah ketika itu (Pat Foh, 1999). Di samping itu, kedudukan Borneo yang terletak di tengah laluan ke kepulauan rempah terutama Kepulauan Maluku juga tidak boleh diabaikan kerana tarikan utama pedagang-pedagang Islam datang ke rantau ini adalah untuk mendapatkan rempah ratus yang hanya terdapat di kepulauan rempah (Izziah Suryani 2003). Menjadi kelaziman bagi para pedagang Muslim untuk berdakwah menyampaikan ajaran Islam kepada penduduk tempatan di samping melakukan aktiviti perdagangan (Ezad Azraai et al., 2003).

3.0 Objektif Kajian

Secara keseluruhannya, matlamat utama kajian ini adalah bagi membuktikan pengamalan perundangan Islam di Sarawak khususnya pada zaman sebelum penjajahan Brooke. Berdasarkan kepada permasalahan dan persoalan kajian yang telah dibincangkan objektif kajian ini adalah seperti berikut:

1. Menjelaskan kewujudan manuskrip khas berkaitan dengan perundangan Islam di Sarawak.
2. Membina perspektif baharu sejarah perundangan Islam di Sarawak berdasarkan Kanun Negeri Lawas dan Kanun Negeri Lingga.

4.0 Metodologi Kajian

Metodologi kajian membantu pengkaji menghasilkan kajian yang bermutu dengan landasan ilmu yang betul dalam meneliti pelbagai disiplin ilmu secara sistematik. Kajian ini boleh menjadi panduan bagi pengkaji akan datang dari aspek metodologi. Kajian ini mengaplikasikan kaedah penyelidikan kualitatif menerusi reka bentuk kajian historiografi dengan menjadikan metode analisis dokumen sebagai teknik pengumpulan data. Selain itu, untuk memastikan keabsahan data yang diperolehi penulis mengaplikasikan kaedah kritikan luaran dan kritikan dalaman. Seterusnya data yang dikumpul diamati dengan teliti menggunakan metode induktif, deduktif dan komparatif. Kemudian data yang diinterpretasi ini diuji dengan menggunakan kaedah triangulasi data bagi memantapkan lagi dapatan yang diperolehi. Setelah proses-proses ini dilakukan, barulah pengkaji memfokuskan kepada historiografi iaitu proses membentuk tafsiran dan gagasan idea berpandukan kepada konteks kajian sejarah. Bagi mengesahkan keabsahan dan kandungan Kanun Negeri Lingga dan Naskhah Lawas, pengkaji turut menggunakan pendekatan filologi yang digunakan secara meluas dalam kajian manuskrip. Kaedah filologi sering digunakan dalam pengkajian sumber berbentuk manuskrip bagi menentukan kebenaran atau keaslian kandungannya (Kamus Dewan, 2005).

5.0 Perbincangan dan Hasil Kajian

Kajian berkaitan pengamalan perundangan Islam di Sarawak khususnya sebelum penjajahan Barat agak kurang dibincangkan. Perkara ini mungkin disebabkan oleh kekurangan sumber atau cenderungnya sejarawan tempatan terhadap perkembangan Islam yang berlaku pada zaman pemerintahan Brooke (Sanib, 2012). Umum mengetahui bahawa penguatkuasaan undang-undang dalam kalangan masyarakat Islam bertujuan untuk menjamin keadilan dan keharmonian hidup. Perundangan Islam atau syariah merupakan elemen penting dalam ajaran Islam dan ia menghubungkan manusia kepada Allah, menjamin hubungan manusia semasa manusia dan manusia dengan alam serta makhluk lain ciptaan Allah.

Merujuk kepada '*Prosiding Nadwah Ulama Nusantara II: Sumbangan Ulama dan Tokoh Agama Borneo Ulama Penggerak Pembangunan Masyarakat*' yang diterbitkan pada tahun 2003 yang menghimpunkan pelbagai kajian berkaitan dengan perkembangan Islam di Borneo, penulis mendapati tidak terdapat kajian yang membincangkan secara khusus berkaitan dengan pengamalan perundangan Islam di Sarawak sebelum kedatangan penjajah. Kebanyakan kajian menyentuh mengenai perkembangan perundangan Islam pada zaman pemerintahan Brooke dan British di Sarawak serta selepas kemerdekaan. Atas dasar inilah pengkaji merasakan perlu untuk dilakukan kajian yang komprehensif berkaitan pengamalan perundangan Islam di Sarawak khususnya sebelum era pemerintahan Brooke kerana kebanyakan kajian mengaitkannya dengan perkembangan yang berlaku di Brunei.

Artikel penulisan Dona Babel (1989) bertajuk Undang-Undang Adat: Melayu Islam Sarawak dalam *The Sarawak Museum Journal* menyatakan bahawa dokumen bertulis pertama berkaitan adat peraturan masyarakat Melayu di Sarawak adalah Undang-Undang Mahkamah Melayu Sarawak (UMMS). Ia mula diperkenalkan pada tahun 1915 mengandungi 67 fasal. Ia merupakan satu usaha untuk menyelaraskan sistem dan peraturan adat yang diamalkan oleh masyarakat Melayu. Penulisan ini juga mengemukakan beberapa persoalan kajian seperti apakah peraturan atau undang-undang yang dikuatkuasakan sebelum wujud dokumen yang bertulis seperti UMMS? Apakah kawalan dan penyeliaan ke atas perlakuan ahli-ahli masyarakat Melayu sebelum ini. Namun persoalan-persoalan ini tidak dibincangkan secara lanjut dalam kajian beliau.



Seterusnya, perbincangan berkaitan dengan perundangan Islam di Sarawak kita boleh merujuk kepada karya Saimi et. al (2021) dalam buku bertajuk 'Perkembangan Islam di Sarawak: Sejarah Yang Tidak Didendang' menyatakan secara tidak langsung berkaitan dengan pengamalan perundangan Islam di Sarawak khususnya sebelum era kedatangan Brooke. Penulis menimbulkan persoalan adakah wujud manuskrip khas berkaitan dengan perundangan Islam di Sarawak memandangkan di bahagian utara dan selatan Sarawak sudah mempunyai sistem perundangan Islam bertulis berteraskan kepada al-Quran dan al-Sunnah. Adakah negeri-negeri yang berada di tengah-tengah Sambas dan Brunei seperti Sarawak, Samarahan-Sadong, Banting-Lingga, Skrang, Saribas, Kalaka dan Melanau yang dipimpin serta ditadbir oleh seorang Islam serta wakil daripada Kesultanan Brunei tidak mempunyai sistem perundangan tersendiri. Sedangkan ia meliputi sebuah kawasan yang sangat luas dan pernah menjadi tumpuan masyarakat dari pelbagai tempat berdasarkan kepada aktiviti perdagangan yang berlaku (Sanib Said 2012). Lebih menarik lagi, artikel yang ditulis oleh Azuan Jemat (2018) bertajuk *Negeri Banting Abad ke-17: Hak Adat Melayu Sarawak di Lembah Batang Lupar dan Sungai Lingga* yang membincangkan tentang kewujudan Kesultanan Islam di Banting sekitar abad ke-17 masihi. Kesultanan ini telah diasaskan oleh Tengku Akil yang berketurunan Melayu Arab. Hasil daripada kajian yang dilakukan penulis telah menemui manuskrip Hukum Kanun Undang-Undang dan Adat Melayu Banting yang menjadi sumber penting dalam pemerintahan kerajaan di Banting. Secara keseluruhannya kanun ini bersumberkan kepada syariat Islam dan adat masyarakat setempat. Penemuan manuskrip ini membuktikan bahawa masyarakat Islam di Sarawak telah mempraktikkan undang-undang Islam dalam kehidupan.

Kewujudan manuskrip undang-undang di Sarawak ini memberi gambaran yang jelas kepada kita bahawa masyarakat Islam di Sarawak juga tidak terkecuali menerima pengaruh Islam dalam kehidupan mereka. Sebagaimana yang kita sedia maklum di dalam buku-buku sejarah jarang membincangkan tentang perkembangan Islam yang berlaku di negeri Sarawak.

5.1 Kanun Negeri Lawas

Kanun Negeri Lawas merupakan naskhah perundangan Islam kedua yang diguna pakai pada masa pemerintahan Kesultanan Brunei. Kanun Negeri Lawas turut dikenali sebagai Undang-Undang dan Adat Brunei Lama (*Old Brunei Law and Custom*) dan ia dinamakan sebagai Kanun Negeri Lawas kerana naskhah ini dikatakan berasal dari Lawas iaitu sebuah kawasan jajahan Brunei yang telah menjadi sebahagian dari negeri Sarawak moden. Teks Kanun Negeri Lawas ini berada dalam simpanan Jabatan Muzium Sarawak tetapi hanya 50 halaman sahaja yang diselenggarakan oleh Jabatan Muzium Sarawak berbanding salinan asal yang dikatakan mempunyai 68 halaman. Salinan yang berada dalam simpanan Muzium Sarawak ini disusun tanpa mengikut turutan halaman yang sepatutnya dan terdapat halaman yang terbalik. Ia mungkin disebabkan individu yang terlibat tiada kepakaran untuk membaca tulisan Jawi (Saimi, 2021). Salinan manuskrip Kanun Negeri Lawas ini diperolehi daripada Jabatan Muzium Sarawak pada 3 Syaaban 1442H bersamaan dengan 17 Mac 2021 M oleh pasukan penyelidik Universiti Teknologi Mara yang diketuai oleh Profesor Dato Jamil bin Haji Hamali.

Secara keseluruhannya, Kanun Negeri Lawas ditulis menggunakan bahasa Melayu klasik dalam tulisan Jawi dan bertulisan tangan. Mengikut sumber sejarah, tulisan Jawi telah digunakan secara meluas khususnya dalam karya-karya penulisan masyarakat Melayu setelah agama Islam berkembang pesat di Nusantara. Setelah diteliti dan dikaji, penulis dapat menyimpulkan bahawa keseluruhan kandungan Kanun Negeri Lawas adalah berdasarkan undang-undang Islam yang diselitkan juga dengan unsur undang-undang adat tempatan. Kanun Negeri Lawas mencakupi aspek perundangan yang luas termasuklah dalam bidang jenayah, ekonomi, undang-undang kekeluargaan, undang-undang acara dan keterangan, undang-undang berkaitan pemilikan tanah, undang-undang laut dan sebagainya. Pada permulaan kanun ini juga terkandung adat istiadat dan pantang larang dalam sistem beraja.

Tarikh yang tepat mengenai kemunculan Kanun Negeri Lawas ini tidak diketahui namun berkemungkinan besar ia telah selesai ditulis pada tahun 1272H bersamaan dengan 1855/1856 M dengan ayat terakhir yang dicatatkan iaitu *Tamat al-Kalam bil-Khairi was-Salam, Sanah 1272*. Menurut catatan sejarah, pada masa tersebut iaitu pada tahun 1855, Negeri Lawas masih berada di bawah Kesultanan Brunei kerana pada tahun 1853 iaitu dua tahun sebelum selesai penulisan Kanun Negeri Lawas, wilayah kekuasaan Brooke di Sarawak hanyalah dari Tanjung Datu Ke Bintulu. Berdasarkan pemerhatian penulis dapat disimpulkan dua kemungkinan berhubung dengan penulis Kanun Negeri Lingga iaitu pertama, berkemungkinan penulis merupakan seorang yang mahir dalam bahasa Arab dan Mempunyai latar belakang pendidikan dan penegtahuan Islam yang baik. Tidak mustahil juga bahawa penulis merupakan orang yang Mempunyai kedudukan penting dalam kerajaan pada masa tersebut. Kedua, terdapat juga kemungkinan bahawa kanun ini disalin daripada kanun yang dikuatkuasakan pada masa tersebut. Secara keseluruhannya, intipati dan kandungan Kanun Negeri Lingga mengandungi pelbagai jenis undang-undang yang secara jelasnya adalah gabungan daripada undang-undang Islam dan undang-undang adat. Di bahagian awal dinyatakan undang-undang berkaitan



pemerintahan dan pentadbiran sultan yang menyatakan tentang kedudukan raja sebagai ketua negeri, hubungan raja dengan pegawai-pegawai yang dilantik, hubungan dengan rakyat awam dan kawasan berkuatkuasanya undang-undang dan pemerintahan. Dalam fasal ini juga termaktub hak istimewa raja yang tidak boleh dicabuli, pantang larang rakyat terhadap golongan diraja. Seterusnya undang undang jenayah seperti hukum orang yang mencero boh tanah atau kampung, hukum pembunuhan, qisas dan kecederaan. Terdapat juga hukum berkaitan hudud seperti minum arak, mencuri, menyamun, murtad, berzina, tuduhan zina dan durhaka kepada raja. Terdapat juga undang-undang berkaitan muamalat seperti pengharaman riba, keharusan jual beli dan aib khiyar, hukum berhutang dan bergadai, memberi hutang dan pinjaman barang, hukum orang muflis, hukum tentang hamba dan berkaitan, hukum menaruh amanah dan barang amanah, hukum sewaan dan upah pekerja, hukum terjumpa barang hilang, hukum denda dan diyat, hukum bapa dan nenek mengambil pemberian anak-anak (hibah), hukum pembukaan tanah dan tanah serta hukum wakaf. Selain itu, terdapat juga undang-undang acara dan keterangan, undang-undang keagamaan (personal law), undang-undang antarabangsa, undang-undang percukaian serta undang-undang laut.

5.2 Kanun Negeri Lingga

Kanun Negeri Lingga turut dikenali sebagai Hukum Kanun Undang-Undang dan Adat Melayu Banting atau Undang-Undang Banting (Azuan Jemat, 2018). Kanun Negeri Lingga merupakan satu dokumen bertulis yang disimpan oleh Abang Sakardi yang kini menetap di Petra Jaya, Kuching. Menurut sumber, Abang Sakardi merupakan salah seorang daripada waris keturunan pemerintah negeri Banting. Negeri Banting merupakan sebuah kerajaan Melayu Islam yang pernah wujud di lembah Batang Lupa yang terletak di daerah kecil Lingga bahagian Sri Aman. Menurut kajian sejarah, kerajaan ini dinamakan sebagai Kerajaan Banting kerana ibu kotanya terletak di Bukit Banting (Sanib, 2023 & Azuan, 2018). Antara bukti kewujudan negeri Banting ini adalah Manuskrip Sejarah Banting dan Asal-usul Nenek Datuk, Manuskrip Catatan Abang Mohamad Zain dan Hukum Kanun Undang-Undang Adat Melayu Banting. Hukum Kanun Undang-Undang Adat Melayu Banting membuktikan bahawa negeri Banting mempunyai struktur pemerintahan yang tersusun rapi khususnya dalam aspek pentadbiran di darat dan di laut. Kerajaan ini dilaporkan berakhir setelah kedatangan Brooke ke Sarawak. Brooke telah memindahkan semua alat kebesaran negeri Banting ke Lingga termasuklah memindahkan penduduk Melayu ke Lingga dan Triso.

Menurut Sanib (2023), Hukum Kanun Lingga merupakan naskhah kedua yang wujud di Kepulauan Borneo selepas Hukum Kanun Brunei. Ia mempunyai persamaan yang sangat tinggi dengan Hukum Kanun Melaka serta Undang-Undang Laut Melaka. Penulis undang-undang ini tidak diketahui namun pada halaman pertama menyatakan bahawa undang-undang ini telah selesai ditulis pada tahun 1279 hijrah (Manuskrip Asal, Sanib, 2023 & Azuan, 2018). Penulis berpendapat berkemungkinan besar penulis Kanun Negeri Lingga adalah daripada kalangan individu yang mempunyai kedudukan penting dalam pemerintahan atau orang yang arif dalam ilmu pengetahuan agama dan mahir berbahasa Arab. Ini kerana sebahagian besar daripada kandungan Kanun Negeri Lingga adalah berunsurkan syariat Islam dan menggunakan banyak istilah dan perkataan Arab. Kanun Negeri Lingga mempunyai sanad pewarisan yang sangat jelas kerana pemegang Kanun Negeri Lingga berasal daripada kalangan kaum kerabat berketurunan Banting. Pada halaman pertama manuskrip ini tercatat bahawa ia telah selesai ditulis pada tahun 1279 hijrah bersamaan 1862 masihi iaitu pada zaman pemerintahan Dato Pahlawan Abang Hussein bin Abang Hassan di Banting Kanun Negeri Lingga digubal bagi mewujudkan keamanan dan kesejahteraan dalam negara serta menjamin keselamatan rakyat. Dengan itu perilaku jenayah di dalam negeri dapat diatasi dengan baik dan terurus dengan pemberian hukuman setimpal kepada penjenayah. Sebagai contoh kesalahan membunuh akan dibalas dengan hukuman bunuh. Ini sudah tentu akan menjadi peringatan dan rakyat takut melakukan jenayah, sekaligus negara akan aman serta keselamatan rakyat lain terpelihara.

Menurut Azuan Jemat (2018) dan Saimi Bujang (2020), kandungan Kanun Negeri Lingga merupakan gabungan antara undang-undang Islam dan undang-undang adat. Penemuan manuskrip Kanun Negeri Lingga ini membuktikan bahawa masyarakat Melayu Islam di Sarawak sudah mempraktikkan undang-undang Islam dalam kehidupan mereka. Kandungan Kanun Negeri Lingga dapat dibahagikan kepada beberapa jenis undang-undang yang utama iaitu undang-undang pemilikan tanah undang-undang pemilikan tanah, undang-undang jenayah Islam seperti hudud, qisas dan takzir, undang-undang kekeluargaan seperti pernikahan, pertunangan dan perceraian, undang-undang muamalah Islam seperti jual beli, gadaian, mudharabah, hutang dan wadiah, undang-undang keterangan dan acara serta undang-undang laut dan pelabuhan.

6.0 Kesimpulan

Kajian ini juga dapat menghasilkan perspektif baharu sejarah perundangan Islam di Sarawak melalui manuskrip Kanun Negeri Lingga dan Kanun Negeri Lawas. Selama ini kita beranggapan bahawa sejarah Sarawak bermula daripada kedatangan James Brooke ke Sarawak memandangkan banyak kajian memfokuskan kepada perkembangan yang



berlaku pada zaman pemerintahan Brooke dengan wujudnya *Muhammeden Law*. Ini secara tidak langsung menyumbang kepada perkembangan sejarah semasa dan mengubah persepsi masyarakat kontemporari tentang sejarah perundangan Islam di Sarawak. Kajian ini juga dapat memberikan pendedahan bahawasanya undang-undang Islam bukanlah sesuatu yang asing bagi masyarakat Melayu Islam di Sarawak khususnya dalam mengawal selia urusan kehidupan seharian dan kenegaraan.

Penghargaan

Kajian ini dibiayai oleh Dana Kecemerlangan (DKCM) UiTMCS 2021, UiTM Staff Supervision Grant, UiTM Sarawak. Penulis ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada pihak UiTM atas dana dan bantuan yang telah diberikan sepanjang kajian ini dilaksanakan.

Rujukan

- Abd Jalil Borhan. (2010). *Jejak Warisan Pahang Pencetus Tamadun Pembangunan Modal Insan Holistik*. Kertas Kerja Ucapatama Seminar Kebangsaan *Jejak Warisan Negeri Pahang: Wacana Mengingati Sejarah Ke Arah Kecemerlangan Masa Depan*, Dewan Astaka, Universiti Malaysia Pahang pada 24 September 2010.
- Ahmad Jelani Halimi. (t.th). *Undang-Undang Laut Melayu: Undang-undang Perahu dan Undang-Undang Belayar*. Kedah: Pusat Pengajian Umum, Universiti Utara Malaysia. <http://www.jmm.gov.my/files/UNDANG.pdf>
- Awg Asbol Mail. (2019). *Hukum Kanun Brunei; Isu dan Peranannya Memperkasakan Perundangan Islam*. Dlm. Majlis Ilmu 2019 Manuskrip Islam Mercu Tanda Ketamadunan Umat. <http://www.majlisilmu.gov.bn/Kertas%20Kerja/Kertas%20Kerja%202019/HARI%20PERTAMA/Hukum%20Kanun%20Brunei%20-%20Isu%20dan%20Peranannya%20Memperkasakan%20Perundangan%20Islam.pdf>
- Azuan Jemat & Arba'iyah Mohd Noor. (2019) *Menyoroti Kewujudan Kerajaan Melayu Banting Berdasarkan Beberapa Manuskrip Banting*. Dlm. *Jurnal Persatuan Muzium Negara*, Bil. 38, 2019. ISSN 0127-1857. https://umexpert.um.edu.my/public_view.php?type=publication&row=OTYyOTE%3D.
- Azuan Jemat. (2018). *Negeri Banting Abad ke-17: Hak Adat Melayu Sarawak di Lembah Batang Lupar dan Sungai Lingga*. Dlm. *Seminar Hak Adat Bumiputera Melayu Sarawak*. 29 Januari 2018. Dewan Hikmah Kuching, Sarawak.
- Badlihasham Mohd Nasir. (2012). *Islam dan Dakwah dalam Zaman Kebangkitan Awal Islam dan Era Penjajahan Barat di Tanah Melayu*. *Islamiyyat: Jurnal Antarabangsa Pengajian Islam; International Journal of Islamic Studies*, 34. pp. 5-12. ISSN 0216-5636.
- Dona, Babel. (1989). *Undang-Undang Adat: Melayu Islam Sarawak*. Dlm. *The Sarawak Museum Journal*. Vol. XL, No. 61 (New Series), December 1989.
- Fitriyani
- Haris, Didik M. Nur. (2016). *Jaringan Intelektual Islam Kalimantan Barat Abad ke-20, Sebuah Analisis Sejarah*. Dlm. *International Conference on Social and Intellectual Transformation of the Contemporary Banjarese*, 09-11 Agustus 2016, Banjarmasin. <http://idr.uin-antasari.ac.id/6239/>
- Manuskrip Kanun Negeri Lingga (Disimpan dan diperolehi daripada waris Kerajaan Negeri Lingga)
- Manuskrip Kanun Negeri Lawas (Disimpan dan diperolehi daripada Jabatan Muzium Negeri Sarawak)
- Md. Amin Abdul Rahman. (2003). *Sejarah dan Perkembangan Islam di Sarawak sebelum merdeka*. Dlm. Farid Mat Zain & Izziah Suryani Mat Resad @ Arshad. *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara II: Sumbangan Ulama dan Tokoh Agama Borneo Ulama Penggerak Pembangunan Masyarakat*, 14-15 Julai 2003/14-15 Jamadil Awwal 1424 H, Holiday Inn, Kuching, Sarawak Bumi Kenyalang.
- Mohd Hafifi Hassim. (2019). *Sejarah Pelaksanaan Undang-Undang Islam di Malaysia: Sorotan Terhadap Sistem Kehakiman Islam di Negeri Melaka*. *e-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan 2019*. 24-25 April 2019. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. http://conference.kuis.edu.my/pasak4/images/kk/negara/070-MD_HAFIFI.pdf
- Mohd. Nasran Mohamad. (2003). *Perlaksanaan Undang-Undang Adat, Resam, Syarak dan Hukum Kanun di Brunei Serta Kesannya Selepas Kedatangan British*. Dlm. Farid Mat Zain & Izziah Suryani Mat Resad @ Arshad. *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara II: Sumbangan Ulama dan Tokoh Agama Borneo Ulama Penggerak Pembangunan Masyarakat*, 14-15 Julai 2003/14-15 Jamadil Awwal 1424 H, Holiday Inn, Kuching, Sarawak Bumi Kenyalang.
- Pat Foh, Chang. (1999). *Legends and History of Sarawak*. Kuala Lumpur: Lee Ming Press Company.
- Pg Dr Hj Mohammad Pg Abd Rahman. (2001). *Islam Di Brunei Darussalam*, Cet. 2. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Pribady, H. (2018). *Qanun Dan Tarikh Kesultanan Sambas*. <https://doi.org/10.31219/osf.io/es72u>



- Prosiding Nadwah Ulama Nusantara II: Sumbangan Ulama dan Tokoh Agama Borneo Ulama Penggerak Pembangunan Masyarakat*, 14-15 Julai 2003/14-15 Jamadil Awwal 1424 H, Holiday Inn, Kuching, Sarawak Bumi Kenyalang.
- Razak, S., & Sujud, A. I. (2016). Penerapan Undang-undang Adat terhadap kesalahan sahshiah pada zaman kesultanan Melayu. *EDUCATUM–Journal of Social Science*, 2(1), 16-30.
- Risa. (2014). Islam di Kerajaan Sambas Antara Abad XV – XVII: Studi Awal Tentang Islamisasi di Sambas. *Jurnal Khatulistiwa – Journal of Islamic Studies*, Volume 4 Nomor 2, September 2014.
- Saimi Bujang, Jamil Hamali, Firdaus Abdullah, Hadenan Towpek, Abdul Razak Abdul Kadir, Mohd Syahiran Abdul Latif dan Sh Anom Omar. (2021). *Perkembangan Islam di Sarawak: Sejarah Yang Tidak Didendang*. Kuching: Majlis Islam Sarawak.
- Sanib Said. (2012). *Sejarah Awal Kepulauan Melayu: Lima Buah Negeri Warisan Sarawak yang Hilang*. CREAM - Current Research in Malaysia Vol. 1, No. 1, October 2012: 21-50.
- Sanib Said. (2023). TVS Entertainment. Negeri Banting: Negeri yang hilang dari Sarawak, episod 10. <https://www.youtube.com/watch?v=14a6G4rqZww>.
- Sweeney, P.L. Amin. (1968). Silsilah Raja-Raja Berunai. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 41(2 (214)), 1-82. Retrieved May 7, 2021, from <http://www.jstor.org/stable/41491947>.
- Zaini Nasohah. (2004). *Pentadbiran Undang-Undang Islam Di Malaysia: Sebelum Dan Menjelang Merdeka*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Zainul Rijal Abu Bakar. (2018). *Perundangan Syariah adalah Undang-undang Kelas Kedua di Malaysia*. https://www.islam.gov.my/images/Berita/BPUU/KK_konvensyen_2018/KK_perundangan_kelas_kedua_-_DATO_ZAINUL_RIJAL.pdf